



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN DAN UCAP UTAMA

**YANG BERHORMAT DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PERASMIAN KONVENSYEN PERDANA RUKUN TETANGGA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2023**

5 NOVEMBER 2023 (AHAD)

9.30 PAGI

**BALLROOM 3, BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE
SELANGOR**

Selamat Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada saudara pengacara majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan.*

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, marilah kita panjatkan rasa kesyukuran kerana dapat berkumpul pada pagi ini di Bangi Avenue Convention Centre bagi **Konvensyen Perdana Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan 2023.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang telah berjaya menganjurkan konvensyen pada tahun ini setelah lebih 10 tahun ianya tidak dilaksanakan. Maka dengan itu, penganjuran konvensyen ini amat bertepatan sekali sebagai platform untuk saya menyampaikan amanat dan hala tuju baharu KRT selaras dengan hasrat Kementerian untuk **Memperkasa KRT Sebagai Penggerak Masyarakat Progresif.**
3. Oleh itu, ruang dan kesempatan semasa konvensyen pada hari ini perlu di digunakan dengan sebaik-baiknya sebagai wadah ke arah **memperkukuh dan memperkasa peranan KRT dalam komuniti di Malaysia.**

4. Saya difahamkan selain konvensyen, turut sedang berlangsung ialah **Karnival Ekonomi Rukun Tetangga** di ruang legar BACC. Aspek ekonomi juga adalah merupakan agenda penting dalam gerak kerja KRT yang sedang dipergiatkan pada masa ini dan tahun-tahun yang akan datang.
5. Untuk makluman, kekuatan jentera perpaduan sentiasa meningkat dan rekod ketika ini menunjukkan terdapat:
 - **8,397 Kawasan Rukun Tetangga**
 - **5,343 Skim Rondaan Sukarela**
 - **128 Skuad Uniti**
 - **564 Mediator Komuniti**

Para hadirin yang saya hormati,

MENDEPANI CABARAN DAN PERUBAHAN DALAM MASYARAKAT

6. Keupayaan mendepani cabaran dalam menguruskan komuniti RT yang rencam (complexity) merupakan antara kekuatan Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (JKRT). **RT berjaya menganjak peranannya sebagai pengurus, pemimpin, pemacu dan penggerak yang efektif dalam komuniti setempat berbanding di peringkat awal penubuhannya iaitu untuk membantu mengawal keselamatan dan memupuk semangat kejiranan.**
7. Selepas hampir 50 tahun penubuhannya, kejayaan RT bukan sahaja dalam aspek penyatuan masyarakat, malah telah mengorak langkah lebih jauh ke hadapan untuk memperkukuhkan kewujudan serta sumbangannya dalam pembangunan komuniti.

8. Pendekatan dan aktiviti yang tidak lagi relevan perlu **diubah suai serta diselarikan** mengikut keperluan dan cabaran semasa di peringkat komuniti dan negara. Program dan aktiviti di peringkat komuniti **tidak lagi boleh dibuat secara *adhoc* tanpa perancangan yang teliti**. Sebaliknya, setiap gerak kerja di peringkat komuniti perlu dirangka **berdasarkan *profiling* kawasan dan penduduk** yang menjadi rujukan dalam penyediaan **Pelan Tindakan Kejiranan** .

9. Profiling kawasan adalah amat penting dalam menentukan strategi dan tindakan serta kesesuaian program yang dianjurkan agar memberi impak optimum kepada komuniti. Ini kerana dalam konteks pengurusan komuniti tiada inisiatif dan program yang bersifat *one size fits all*. Profiling KRT akan dibangunkan dengan kerjasama pasukan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Saya turut mengarahkan supaya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional membuat profiling dan mengenal pasti **1 Daerah 1 Model KRT Progresif** bagi tahun 2024.

10. Selain itu, penganjuran program yang bersifat “*touch & go*” juga perlu dikaji semula. Sebaliknya program yang **berimpak tinggi, berfokus, berinovatif dan berstruktur** perlu dipertingkatkan dalam usaha membina komuniti yang **sejahtera, mampan dan progresif**.

11. Dalam mendepani perubahan dan cabaran ini, Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (JKRT) perlu bertindak secara lebih cekap, agresif dan kolektif untuk memastikan program-program yang dirangka memenuhi kriteria-kriteria berikut, antaranya ialah:

- a) **Mempunyai tempoh pelaksanaan iaitu samada jangka; masa pendek, sederhana dan panjang;**
- b) **Tepat kepada kumpulan sasar;**
- c) **Memenuhi keperluan komuniti;**
- d) **Meningkatkan keupayaan komuniti;**
- e) **Mempunyai nilai tambah (*value added*);**
- f) ***Value for money; dan***
- g) **Kos yang rendah, dan berimpak tinggi (*low cost high impact*).**

PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI PENGGERAK MASYARAKAT PROGRESIF

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Untuk menjadikan Rukun Tetangga sebagai sebuah organisasi sukarela atau Organisasi Berasaskan Komuniti (OBK) yang berdaya maju, dinamik, berdaya saing dan sentiasa relevan dalam komuniti dan negara, bukanlah merupakan suatu tugas yang mudah. Kementerian Perpaduan Negara telah merangka gerak kerja supaya KRT dapat **perkasakan, diberi nafas baharu yang lebih segar, diremajakan serta diberi pengiktirafan yang sewajarnya oleh kerajaan dan rakyat sebagai entiti yang penting dan inklusif dalam masyarakat.**

10. **Pemeriksaan KRT sebagai Penggerak Masyarakat Progresif** merupakan inisiatif terbaharu Kementerian untuk memperkukuhkan lagi peranan KRT dalam komuniti di Malaysia. Dalam merangka inisiatif ini, Kementerian meneliti dan mengambil kira rangka kerja dan aspirasi yang terkandung dalam dokumen Kajian Separuh Penggal RMK-12

yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 11 September 2023 di mana **pembangunan masyarakat progresif** merupakan satu daripada komponen penting inisiatif **Anjakan Besar Pembudayaan Masyarakat MADANI** yang digariskan dalam **Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kedua Belas** iaitu:

“Rukun Tetangga akan diperkasa sebagai penggerak dan pengantara penting dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan pada peringkat akar umbi”.

11. Inisiatif ini diperkukuhkan lagi melalui pembentangan Belanjawan 2024 yang bertemakan **Reformasi Ekonomi: Memperkasa Rakyat** di mana Kementerian telah diperuntukan sebanyak **RM20 juta** untuk **memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti.**
12. Selain itu, **pembentukan masyarakat progresif juga adalah merupakan antara cita-cita negara yang terkandung dalam Rukun Negara** yang dinyatakan seperti berikut:

“Masyarakat progresif yang hendak diwujudkan merupakan satu masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan kemajuan sains dan teknologi yang akhirnya akan menjadikan Malaysia sebuah negara maju”.

13. Justeru itu, dengan mengambil kira kejayaan dan pencapaian KRT sejak tahun 1975 hingga sekarang, maka Kementerian optimis bahawa inisiatif transformasi ini dapat diterjemahkan oleh KRT untuk

meningkatkan lagi inklusiviti KRT sebagai “**Penggerak Masyarakat Progresif**” dengan didukung oleh kekuatannya sebagai organisasi sukarela dengan lebih **200,000 orang keanggotaan jawatankuasa dan meliputi lebih 12 juta penduduk.**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Dalam membangun masyarakat progresif, peranan KRT sebagai **penjalin hubung (*bridge builder*), penggerak dan peneraju** dalam komuniti terus diperkukuhkan dari semasa ke semasa **melalui peningkatan keupayaan komuniti, struktur pentadbiran yang kukuh** serta **kerjasama strategik yang kondusif** daripada semua pihak. Seterusnya, KRT berfungsi untuk **memayungi inisiatif-inisiatif** yang dianjurkan oleh pelbagai pihak berkepentingan dalam menyatupadukan dan membentuk masyarakat progresif. \
15. Terdapat pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh agensi kerajaan dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam komuniti seperti **program keselamatan, kesihatan, pendidikan, sukan, kebajikan dan juga perpaduan/kejiranan.** Kecekapan pengurusan, sumber tenaga, kewangan dan keberkesanan program/aktiviti yang dianjurkan ini boleh dipertingkatkan sekiranya pertindihan program/aktiviti ini dapat diatasi.
16. RT boleh memainkan peranan sebagai peneraju untuk memayungi program/aktiviti di peringkat akar umbi khususnya yang berteraskan perpaduan, selaras dengan **Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751]** yang memperkasakan peranan RT sebagai peneraju perpaduan dan keharmonian dalam komuniti.

17. Dalam memenuhi agenda penting ini, peranan KRT sebagai penggerak dalam masyarakat memerlukan lonjakan transformasi melalui **landskap pembangunan yang dipacu oleh komuniti (*community-driven development*)**. Lonjakan peranan ini adalah sangat penting untuk merealisasikan hasrat kerajaan ke arah memperkukuh keselamatan, kesejahteraan, inklusiviti dan kemampanan.

LAPAN (8) FOKUS INISIATIF DAN PENDEKATAN 5C DALAM MEMBANGUN MASYARAKAT PROGRESIF

Para hadirin yang dihormati sekalian,

18. Untuk menjadikan Rukun Tetangga sebagai entiti yang penting dan inklusif serta berupaya membangun masyarakat mampan dan progresif, sebanyak lapan (8) fokus inisiatif telah dirangka iaitu:

- a) **Keselamatan Komuniti;**
- b) **Pendidikan Sepanjang Hayat;**
- c) **Ekonomi dan Sara Hidup;**
- d) **Daya Cipta;**
- e) **Alam Sekitar;**
- f) **Kepimpinan;**
- g) **Kesejahteraan Hidup; dan**
- h) **Warisan dan Budaya.**

19. Kesemua aspek ini perlu diberi penekanan yang jelas dan perkukuhkan dalam komuniti. Keberhasilannya perlu dipantau, dinilai dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Keberkesanan KRT

sebagai peneraju perpaduan dalam komuniti dan penggerak masyarakat progresif diperkukuhkan melalui pendekatan “5C” seperti berikut:

a) *Communicator* (Penghubung)

Menghubungkan di antara komuniti dengan pihak-pihak berkepentingan dalam mengurus dan membangun komuniti.

b) *Coordinator* (Penyelaras)

Menyelaras aktiviti/program perpaduan dalam komuniti melalui perjumpaan dan perbincangan yang diatitkan oleh KRT dengan semua pihak berkepentingan.

c) *Conciliator* (Pendamai)

Menyediakan 'platform' perdamaian kepada pihak berkonflik melalui khidmat Mediator Komuniti.

d) *Collaborator* (Rakan Usahasama)

Menjalin **kolaborasi** dengan pihak-pihak berkepentingan dalam menjayakan program/aktiviti keselamatan, kesejahteraan dan perpaduan dalam komuniti.

e) *Capacity Builder* (Pembina Upaya)

Membina upaya komuniti dari aspek kepimpinan, pengetahuan dan kemahiran pihak-pihak berkepentingan dan komuniti bagi

meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada komuniti.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

PINDAAN AKTA RUKUN TETANGGA

19. Sejalan dengan cabaran dan keperluan semasa, maka Kementerian telah mengambil langkah untuk membuat semakan dan pindaan kepada Akta Rukun Tetangga 2012. Langkah ini bertujuan bagi memperkukuhkan lagi keberkesanan penyampaian perkhidmatan KRT dan SRS kepada komuniti serta meningkatkan kecekapan dan tadbir urusnya.

20. **Bengkel Pindaan Akta Rukun Tetangga 2012 telah dilaksanakan oleh Kementerian.** Hasil bengkel tersebut, beberapa cadangan pindaan telah dibincangkan merangkumi pemanjangan tempoh pelantikan Anggota Jawatankuasa Rukun Tetangga daripada dua (2) tahun bagi satu penggal kepada tiga (3) tahun, penggantungan keanggotaan SRS dan implikasi kepada pihak-pihak yang menghalang atau menggalang tugas-tugas SRS.

PENUTUP

21. Dalam dunia yang penuh dengan cabaran dan kecanggihan ini, tidak ada perkara yang mustahil untuk dicapai jika kita mempunyai semangat, keinginan dan azam yang tinggi. Apa yang penting adalah kekuatan Jawatankuasa Rukun Tetangga, kepimpinan yang telus dan

berkesan serta penglibatan aktif komuniti dalam rangka kerja yang disediakan oleh Kementerian.

22. Saya yakin, KRT yang ada pada hari ini adalah merupakan antara KRT yang cemerlang yang mampu menggalas tanggungjawab besar ini. Maka, saya ingin menyeru kepada seluruh Jawatankuasa Rukun Tetangga dan komuniti Rukun Tetangga di seluruh negara untuk bersama-sama berganding bahu dan memperkukuhkan tekad untuk menjadi peneraju pembangunan masyarakat progresif.

23. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diatas penganjuran konvensyen pada kali ini. Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Dengan ini saya merasmikan **KONVENSYEN PERDANA RUKUN TETANGGA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023.**

Sekian, terima kasih.